



**MALAYSIA**

**PERANGKAAN PERKHIDMATAN**  
*SERVICES STATISTICS*

**BANCI EKONOMI 2011**  
**PERKHIDMATAN KESENIAN, HIBURAN DAN**  
**REKREASI**  
*ECONOMIC CENSUS 2011*  
*ARTS, ENTERTAINMENT AND RECREATION SER-*  
*VICES*



Jabatan Perangkaan  
MALAYSIA

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
*DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA*

**PUTRAJAYA**



## KATA PENGANTAR

Laporan ini memuatkan perangkaan bagi **Perkhidmatan Kesenian, Hiburan dan Rekreasi** yang merangkumi **aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif; aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan lain, dan aktiviti sukan dan hiburan & rekreasi**. Maklumat yang disediakan adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2011 bagi tahun rujukan 2010.

Data yang berkaitan dengan nilai output kasar, input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap diterbitkan dalam laporan ini. Data tersebut digunakan bagi tujuan membuat perancangan pembangunan dan penggubalan dasar serta bagi pengunjuran dan analisis ekonomi oleh kerajaan dan penyelidik.

Laporan ini mengandungi tiga bahagian. Penemuan daripada hasil bancian dibentangkan di bahagian pertama laporan ini. Aspek teknikal seperti objektif, skop dan liputan serta konsep dan definisi yang digunakan dalam banci ini dimuatkan di bahagian kedua laporan. Jadual-jadual perangkaan terperinci dipaparkan di bahagian ketiga bagi membolehkan pengguna membuat analisis.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang kepada laporan ini. Sebarang ulasan dan cadangan daripada para pengguna untuk menambahbaik laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

**DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN**

Ketua Perangkawan

Malaysia

**Julai 2012**

## **PREFACE**

*This report presents statistics on **Arts, Entertainment and Recreation Services** which encompasses **creative, arts and entertainment activities; museums, recreation and other cultural activities and sports and amusement & recreation activities**. The information provided here is gathered through the Economic Census conducted in 2011 for reference year 2010.*

*Data pertaining to value of gross output, intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages and value of fixed assets are published in this report. These data are used for planning and policy formulation as well as for economic projection and analysis by the government and researchers.*

*This report consists of three parts. The summary findings of the census is highlighted in the first part of the report. The second part focuses on the technical aspects including the objectives, scope and coverage as well as relevant concepts and definitions used in the census. Detailed statistical tables are included in the third part of the report to facilitate analysis by users.*

*I would like to express my appreciation to all parties concerned who have contributed towards this report. Comments and suggestions from users for improvement in future reports are greatly appreciated.*

**DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN**

*Chief Statistician*

*Malaysia*

**July 2012**

**KANDUNGAN**  
**CONTENTS**

	<b>Muka Surat</b> <i>Page</i>
<b>Kata pengantar</b> <i>Preface</i>	i
<b>Ringkasan penemuan</b> <i>Summary findings</i>	3
<b>Nota teknikal</b> <i>Technical notes</i>	19
<b>Jadual</b> <i>Table</i>	<b>Senarai jadual</b> <i>List of tables</i>
 <b>BAHAGIAN 1 : PERKHIDMATAN KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI</b> <i>PART 1 : ARTS, ENTERTAINMENT AND RECREATION SERVICES</i>	
<b>1.1 Perangkaan utama perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi mengikut jenis, 2010</b> <i>Principal statistics of arts, entertainment and recreation services by type, 2010</i>	37
<b>1.2 Perangkaan utama perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi mengikut negeri, 2010</b> <i>Principal statistics of arts, entertainment and recreation services by state, 2010</i>	38
<b>1.3 Perangkaan utama perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi mengikut taraf sah, 2010</b> <i>Principal statistics of arts, entertainment and recreation services by legal status, 2010</i>	39
<b>1.4 Perangkaan utama perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi mengikut hak milik, 2010</b> <i>Principal statistics of arts, entertainment and recreation services by ownership, 2010</i>	40
<b>1.5 Perangkaan utama perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi mengikut saiz output, 2010</b> <i>Principal statistics of arts, entertainment and recreation services by output size, 2010</i>	41
<b>1.6 Perangkaan utama perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi mengikut saiz pekerja, 2010</b> <i>Principal statistics of arts, entertainment and recreation services by employment size, 2010</i>	42

<b>1.7 Perangkaan utama perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi mengikut saiz harta tetap, 2010</b> <i>Principal statistics of arts, entertainment and recreation by fixed assets size, 2010</i>	43
<b>1.8 Bilangan pekerja dan gaji &amp; upah mengikut kategori pekerja dalam perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi, 2010</b> <i>Number of persons engaged and salaries &amp; wages in arts, entertainment and recreation services by category of workers, 2010</i>	44
<b>1.9 Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap dalam perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi mengikut jenis, 2010</b> <i>Capital expenditure and value of fixed assets in arts, entertainment and recreational services by type, 2010</i>	45
<b>1.10 Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi mengikut jenis, 2010</b> <i>Principal statistics of women-owned establishments in arts, entertainment and recreational services by type, 2010</i>	46
<b>1.11 Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan makanan dan minuman mengikut negeri, 2010</b> <i>Principal statistics of women-owned establishments in arts, entertainment and recreational services by state, 2010</i>	47
<b>LAMPIRAN: Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0</b> <i>APPENDIX: Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0</i>	51

**RINGKASAN PENEMUAN**  
*SUMMARY FINDINGS*

**PERKHIDMATAN KESENIAN, HIBURAN DAN  
REKREASI**  
*ARTS, ENTERTAINMENT AND RECREATION  
SERVICES*





## PERKHIDMATAN KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI

Jenis perkhidmatan	PETUNJUK UTAMA					
	Bilangan pertubuhan	Nilai output kasar (RM juta)	Nilai ditambah (RM juta)	Jumlah pekerja	Gaji & upah yang dibayar (RM juta)	Nilai harta tetap (RM juta)
<b>Jumlah</b>	<b>6,307</b>	<b>15,839</b>	<b>5,785</b>	<b>43,400</b>	<b>776</b>	<b>3,771</b>
Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif	287	499	258	1,774	51	45
Aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan lain	401	787	447	6,981	145	807
Aktiviti sukan dan hiburan & rekreasi	5,619	14,552	5,080	34,645	579	2,920


### 1. PENDAHULUAN

Laporan ini membentangkan perangkaan bagi perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi yang merangkumi aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif; aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan lain, dan aktiviti sukan dan hiburan & rekreasi. Data yang dikumpul adalah berdasarkan respon yang diperoleh di bawah Banci Ekonomi 2011 untuk tahun rujukan 2010. Penunjuk utama adalah seperti yang ditunjukkan di atas.

### 2. PRESTASI PERKHIDMATAN KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI


Sejumlah 6,307 pertubuhan telah beroperasi di dalam perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi pada tahun 2010. Aktiviti sukan dan aktiviti hiburan & rekreasi mencatatkan bilangan pertubuhan tertinggi sebanyak 5,619 pertubuhan atau 89.1 peratus, diikuti oleh aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan lain, 401 pertubuhan atau 6.4 peratus dan aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif, 287 pertubuhan atau 4.5 peratus. Carta 1.1 menunjukkan peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut aktiviti dalam tahun 2010.

**Carta 1.1 : Peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut aktiviti, 2010**



**Nilai output kasar** yang dijana oleh perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi pada tahun 2010 berjumlah RM15.8 bilion. Aktiviti sukan dan aktiviti hiburan & rekreasi merekodkan nilai output kasar yang tertinggi iaitu sebanyak RM14.6 bilion atau 91.9 peratus. Ini diikuti oleh aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan lain, RM0.8 bilion atau 5.0 peratus. Manakala sumbangan aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif pula adalah kecil iaitu RM0.5 bilion atau 3.1 peratus.

**Carta 2.1: Peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut aktiviti, 2010**




Seperti mana nilai output kasar, aktiviti sukan dan hiburan & rekreasi juga mencatatkan jumlah tertinggi bagi **nilai ditambah** dengan catatan sebanyak RM5.1 bilion atau 87.8 peratus. Ini diikuti oleh aktiviti muzium,

rekreasi dan kebudayaan lain, RM0.4 bilion atau 7.7 peratus. Nilai ditambah yang dicatatkan oleh kedua-dua aktiviti ini menyumbang 95.0 peratus daripada nilai ditambah keseluruhan dalam sektor ini. Carta 2.1 menunjukkan peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut aktiviti dalam tahun 2010.


**Nilai harta tetap** yang dimiliki pada tahun 2010 berjumlah RM3.8 bilion. Pertubuhan yang terlibat di dalam aktiviti sukan dan aktiviti hiburan & rekreasi merekodkan nilai harta tetap yang tertinggi iaitu sebanyak RM2.9 bilion atau 77.4 peratus, diikuti oleh aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan lain, RM0.8 bilion atau 21.4 peratus (Carta 2.2).

**Carta 2.2 : Peratus taburan nilai harta tetap mengikut aktiviti, 2010**




**Bilangan pekerja** pada tahun 2010 adalah seramai 43,400 orang. Aktiviti sukan dan hiburan & rekreasi mempunyai bilangan pekerja tertinggi iaitu sebanyak 34,645 orang atau 79.8 peratus, diikuti oleh aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan lain, 6,981 orang atau 16.1 peratus dan aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif, 1,774 orang atau 4.1 peratus.

**Carta 2.3 : Peratus taburan bilangan pekerja mengikut aktiviti, 2010**



Pemilik yang bekerja, rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji turut terlibat dalam aktiviti ini, yang mencatatkan sejumlah 6,414 orang atau 14.7 peratus. Manakala pekerja bergaji sambilan pula berjumlah 2,234 orang atau 5.2 peratus. 80.1 peratus atau 34,752 orang pula adalah merupakan pekerja bergaji sepenuh masa. Daripada jumlah pekerja bergaji sepenuh masa, pekerja am mencatatkan bilangan yang tertinggi dengan 15,106 orang atau 43.5 peratus (Carta 2.4).

**Carta 2.4: Jumlah pekerja mengikut kategori pekerja, 2010**



**Jumlah gaji & upah** yang dibayar pada tahun 2010 berjumlah RM775.6 juta. Aktiviti sukan dan hiburan & rekreasi merupakan yang tertinggi iaitu RM579.4 juta atau 74.7 peratus, diikuti oleh aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan lain RM145.3 juta atau 18.7 peratus dan aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif, RM 51.0 juta atau 6.6 peratus.


Purata gaji setahun bagi setiap pekerja dalam aktiviti sukan dan hiburan & rekreasi adalah sebanyak RM20,162. Purata gaji tahunan yang tertinggi direkodkan oleh aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif sebanyak RM32,416, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

**Jadual 2.1: Gaji & upah dan purata gaji tahunan dalam perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi, 2010**

Aktiviti	Bilangan pekerja	(% )	Pekerja bergaji	(% )	Gaji & upah dibayar	(% )	Purata gaji setahun diterima setiap pekerja
					(RM juta)		(RM)
Kesenian, hiburan dan kreatif	1,774	4.1	1,573	4.3	51.0	6.6	32,416
Muzium, rekreasi dan kebudayaan lain	6,981	16.1	6,676	18.1	145.3	18.7	21,757
Sukan dan hiburan & rekreasi	34,645	79.8	28,737	77.7	579.4	74.7	20,162
<b>Jumlah</b>	<b>43,400</b>	<b>100.0</b>	<b>36,986</b>	<b>100.0</b>	<b>775.6</b>	<b>100.0</b>	<b>20,970</b>

### 3. PRESTASI MENGIKUT NEGERI

Taburan pertubuhan bagi perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi mengikut negeri menunjukkan Selangor mencatatkan bilangan pertubuhan yang tertinggi iaitu sebanyak 992 pertubuhan atau 15.7 peratus. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dan Perak dengan masing-masing mencatatkan sebanyak 806 pertubuhan atau 12.8 peratus dan 644 pertubuhan atau 10.2 peratus. Tiga negeri ini bersama-sama negeri Johor dan Sarawak menyumbang separuh daripada bilangan pertubuhan dalam subsektor ini. (Carta 3.1)




**Nota :**

\* Negeri-negeri lain merujuk kepada Perlis dan W.P. Putrajaya.

Carta 3.2 di bawah membandingkan **nilai output kasar** dan **nilai ditambah** mengikut negeri. W.P. Kuala Lumpur mencatatkan peratusan nilai output kasar dan nilai ditambah tertinggi, diikuti oleh Pahang dan Selangor. Ketiga-tiga negeri utama ini merekodkan 83.2 peratus dan 84.2 peratus daripada jumlah keseluruhan output kasar dan nilai ditambah.

**Carta 3.2: Peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut negeri, 2010**




**Nota :**

\* **Negeri-negeri lain** merujuk kepada Terengganu, Kelantan, W.P. Labuan, W.P. Putrajaya dan Perlis.

#### 4. PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

**Pertubuhan milikan wanita** dalam subsektor ini berjumlah 742 pertubuhan atau 11.8 peratus pada tahun 2010. Selangor mencatatkan peratusan pertubuhan milikan wanita tertinggi iaitu 15.0 peratus, diikuti oleh Perak, 11.6 peratus dan W.P. Kuala Lumpur, 10.1 peratus. Sementara itu, negeri-negeri lain seperti W.P. Labuan, Perlis hanya mempunyai sebanyak 1.5 peratus pertubuhan sahaja (Carta 4.1).

**Carta 4.1: Peratus taburan pertubuhan milikan wanita mengikut negeri, 2010**




**Nota :**

\* Negeri-negeri lain merujuk kepada W.P.Labuan dan Perlis.

Mengikut jenis aktiviti, pertubuhan milikan wanita majoritinya terlibat dalam aktiviti sukan dan aktiviti hiburan & rekreasi, 89.1 peratus. Ini diikuti oleh aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif sebanyak 6.1 peratus dan aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan lain, 4.8 peratus (Carta 4.2).

**Carta 4.2: Peratus taburan pertubuhan milikan wanita mengikut aktiviti, 2010**



**Bilangan pertubuhan milikan wanita : 742 pertubuhan**

**Nota:**

**Definisi pertubuhan milikan wanita**

- a) 51 peratus dan ke atas pemilikan ekuiti dipegang oleh wanita ATAU
- b) Pengarah Urusan atau Ketua Pengarah Eksekutif adalah wanita yang memilki sekurang-kurangnya 10 peratus

## ARTS, ENTERTAINMENT AND RECREATION SERVICES, 2010

Type of services	KEY INDICATORS					
	Number of establishments	Value of gross output (RM million)	Value added (RM million)	Number of persons engaged	Salaries & wages paid (RM million)	Value of fixed assets (RM million)
<b>Total</b>	<b>6,307</b>	<b>15,839</b>	<b>5,785</b>	<b>43,400</b>	<b>776</b>	<b>3,771</b>
<i>Creative, arts and entertainment activities</i>	287	499	258	1,774	51	45
<i>Museums, recreation and other cultural activities</i>	401	787	447	6,981	145	807
<i>Sports and amusement &amp; recreation activities</i>	5,619	14,552	5080	34,645	579	2,920

### 1. INTRODUCTION


*This report presents statistics on arts, entertainment and recreation services which encompasses creative, arts and entertainment activities; museums, recreation and other cultural activities and sports and amusement & recreation activities. Data compiled were based on responses canvassed under the Economic Census 2011 for reference year 2010. The key indicators for the census are shown above.*

### 2. PERFORMANCE OF ARTS, ENTERTAINMENT AND RECREATION SERVICES

*A total of 6,307 **establishments** operated in this services in 2010. Establishments in sports and amusement & recreation activities was the highest, 5,619 or 89.1 per cent, followed by museums, recreation and other cultural activities, 401 establishments or 6.4 per cent and creative, arts and entertainment activities, 287 establishments or 4.5 per cent. Chart 1.1 shows the percentage distribution of establishments by activity in 2010.*




**Chart 1.1 : Percentage distribution of establishments by activity, 2010**



**Number of establishments : 6,307**

**Value of gross output** generated by arts, entertainment and recreation establishments in 2010 was RM15.8 billion. Sports and amusement & recreation activities was the highest contributor, RM14.6 billion or 91.9 per cent followed by museums, recreation and other cultural activities, RM0.8 billion or 5.0 per cent. The contribution of creative, arts and entertainment activities was small, at RM0.5 billion or 3.1 per cent.


**Chart 2.1 : Percentage distribution of value of gross output and value added by activity, 2010**



## SUMMARY FINDINGS


Sports and amusement & recreation activities was also the highest contributor to **value added** with RM5.1 billion or 87.8 per cent. This was followed by museums, recreation and other cultural activities, RM0.4 billion or 7.7 per cent. Value added recorded by both activities accounted for 95 per cent of the value added of this sub-sector. Chart 2.1 showed the percentage distribution of value of gross output and value added by activity in 2010.

**Value of fixed assets** owned in 2010 was RM3.8 billion. Establishments engaged in sports and amusement & recreation activities recorded the highest value, RM2.9 billion or 77.4 per cent, followed by museums, recreation and other cultural activities, RM0.8 billion or 21.4 per cent (Chart 2.2).



**Total number of persons engaged** in this services in 2010 was 43,400 persons. Sports and amusement & recreation activities recorded the highest number of persons engaged, 34,645 persons or 79.8 per cent. This was followed by museums, recreation and other cultural activities, 6,981 persons or 16.1 per cent and creative, arts and entertainment activities, 1,774 persons or 4.1 per cent.


**Chart 2.3: Percentage distribution of total number of persons engaged by activity, 2010**



## SUMMARY FINDINGS

The number of working proprietors, active business partners and unpaid family workers was 6,414 persons or 14.7 per cent and paid part-time employees, 2,234 persons or 5.2 per cent. Paid full-time employees accounted for 80.1 per cent or 34,752 persons. Out of the total number of paid full-time employees, general workers constituted the highest number, 15,106 persons or 43.5 per cent (Chart 2.4).

**Chart 2.4: Total number of persons engaged by category of workers, 2010**



Total salaries & wages disbursed in 2010 was RM775.6 million. Sports and amusement & recreation establishments recorded the most with RM579.4 million or 74.7 per cent, followed by museums, recreation and other cultural activities, RM145.3 million or 18.7 per cent and creative, arts and entertainment, RM51.0 million or 6.6 per cent.

The average annual salary per employee in the sports and amusement & recreation was RM20,162. The highest average annual salary was recorded in the creative, arts and entertainment activities RM32,416, as shown in Table 2.1.


## SUMMARY FINDINGS

**Table 2.1: Salaries & wages and average annual salary in arts, entertainment and recreation activities**

Activity	Number of persons	(%)	Paid employees	(%)	Salaries & wages paid (RM million)	(%)	Average annual salary per employee
Creative, arts and entertainment	1,774	4.1	1,573	4.3	51.0	6.6	32,416
Museums, recreation and other cultural activities	6,981	16.1	6,676	18.1	145.3	18.7	21,757
Sports and amusement & recreation	34,645	79.8	28,737	77.7	579.4	74.7	20,162
<b>Jumlah</b>	<b>43,400</b>	<b>100.0</b>	<b>36,986</b>	<b>100.0</b>	<b>775.6</b>	<b>100.0</b>	<b>20,970</b>

### 3. PERFORMANCE BY STATE


In terms of **number of establishments**, Selangor had the highest with 992 establishments or 15.7 per cent. This was followed by W.P. Kuala Lumpur and Perak which accounted for 806 establishments or 12.8 per cent and 644 establishments or 10.2 per cent respectively. Together with Johor and Sarawak, these five states cumulatively accounted for about half of the establishments in this sub-sector (Chart 3.1).



**Notation:**

## SUMMARY FINDINGS

Chart 3.2 below compares the percentage distribution of **value of gross output** and **value added** by state. W.P. Kuala Lumpur recorded the highest percentage of gross output and value added, followed by Pahang and Selangor. These three states constituted almost 83.2 per cent and 84.2 per cent of gross output and value added respectively.




### **Notation:**

\* **Other states** refer to Terengganu, Kelantan, W.P.Labuan, W.P.Putrajaya and Perlis.

## **4. WOMEN-OWNED ESTABLISHMENTS**

**Women-owned establishments** in this sub-sector amounted to 742 or 11.8 per cent in 2010. Selangor had the highest percentage with 15.0 per cent, followed by Perak, 11.6 per cent and W.P. Kuala Lumpur, 10.1 per cent. Meanwhile, other states such as W.P. Labuan and Perlis had only 1.5 per cent of such establishments (Chart 4.1).

**Chart 4.1: Percentage distribution of women-owned establishments by state, 2010**




**Notation:**

\* **Other states** refer to W.P.Labuan and Perlis.

By type of activity, women-owned establishments led in sports and amusement & recreation activities, 89.1 per cent. This was followed by creative, arts and entertainment activities with 6.1 per cent and museums, recreation and other cultural activities, 4.8 per cent (Chart 4.2).

**Chart 4.2: Percentage distribution of women-owned establishments by industry, 2010**



**Notation:**

**Definition of woman-owned establishment**

- a) 51 per cent and above of the equity held by a woman/women OR
- b) The Managing Director or Chief Executive Officer is a woman that owns at least 10 per cent of the equity.

**NOTA TEKNIKAL**  
*TECHNICAL NOTES*





- Pendahuluan** Laporan ini memuatkan data perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi bagi tahun rujukan 2010. Data tersebut dikumpul dan disusun daripada Banci Ekonomi yang dilaksanakan pada tahun 2011.
- Objektif** Objektif utama Banci ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan pertumbuhan, struktur, profil dan perangkaan utama bagi subsektor ini untuk membantu kerajaan dalam perancangan pembangunan dan penggubalan dasar. Data yang diperoleh digunakan dalam penyusunan akaun negara, jadual input output, indeks perkhidmatan dan kajian tertentu. Maklumat tersebut juga digunakan oleh ahli ekonomi, ahli akademik dan pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat unjuran dan analisis ekonomi.
- Kuasa perundangan** Banci ini dilaksanakan di bawah **Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**. Seksyen 5 di bawah akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik adalah **sulit** dan hanya angka agregat diterbitkan.
- Skop dan liputan** Banci ini meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam **perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi** yang merangkumi:
- i. Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif
  - ii. Aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan lain
  - iii. Aktiviti sukan dan hiburan & rekreasi
- Konsep dan Definisi** Definisi perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi yang diguna pakai dalam penerbitan ini berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0.
- i. **Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif**  
Aktiviti ini termasuk operasi kemudahan dan penyediaan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan kebudayaan dan hiburan pelanggan. Ini termasuk produksi dan promosi, serta penglibatan dalam persembahan secara langsung termasuk produksi persembahan teater secara langsung, konsert dan opera, pameran atau pertunjukkan untuk tontonan umum; penyediaan kemahiran artistik, kreatif seperti aktiviti pemahat, pelukis, kartunis dan lain-lain; aktiviti penulis perseorangan, termasuk juga aktiviti jurnalis bebas dan kerja pemeliharaan dan kerja pemeliharaan dan penyimpanan karya seni.

Kumpulan ini termasuk juga aktiviti penerbit atau pengusaha acara persembahan seni secara langsung dengan atau tanpa kemudahan.

## ii. Aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan lain

Termasuk operasi semua jenis muzium, taman botani, zoologi, termasuk juga aktiviti taman rekreasi dan pantai.

## iii. Aktiviti sukan dan hiburan & rekreasi

Termasuk operasi kemudahan sukan; aktiviti sukan berkumpulan atau kelab terutamanya yang mengambil bahagian dalam acara sukan secara langsung; ahli sukan bebas yang terlibat dalam acara sukan atau perlumbaan secara langsung; jurulatih sukan yang menyediakan khidmat khusus; pengusaha arena dan stadium; aktiviti lain bagi penganjuran, promosi atau mengurus sukan; termasuk juga aktiviti rekreasi perjudian dan pertaruhan seperti penjualan tiket loteri, operasi kasino dan operasi mesin perjudian; aktiviti kafe siber / pusat internet dan lain-lain aktiviti sukan.

### Tahun Banci

Tahun banci merujuk kepada tahun pelaksanaan banci.

### Tahun rujukan

Tahun rujukan bagi banci ini adalah tahun takwim 2010. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sebahagian besar daripada tahun rujukan.

### Metodologi

Banci ini dilaksanakan secara mel dengan menggunakan borang soal selidik. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkapkan dan mengembalikan borang soal selidik tersebut kepada Jabatan ini. Selepas tempoh tersebut, kerja luar dijalankan untuk mendapatkan borang lengkap daripada pertubuhan yang tidak memberi jawapan.

## Unit melapor

Banci ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pertubuhan. Pertubuhan ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu tempat/lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri yang berbeza berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Bagi pertubuhan yang menjalankan pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza. Oleh itu, setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai pelbagai cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktisnya, akaun biasanya disediakan secara berpusat yang sukar untuk diasingkan mengikut unit atau cawangan. Entiti atau enterpris berkenaan dianggap sebagai satu pertubuhan dan dibenarkan menghantar satu borang soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangan.

## Jenis aktiviti perniagaan

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau yang memberikan sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder adalah sampingan atau sokongan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri pertubuhan dibuat berdasarkan aktiviti utama dan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008. MSIC 2008 yang diguna pakai adalah selaras dengan Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), Semakan Ke-4, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan pengubahsuaian untuk keperluan tempatan.

## Taraf sah

Taraf sah organisasi sesebuah pertubuhan ditakrifkan seperti berikut:

### (i) Hak milik perseorangan

Ia merujuk kepada perniagaan yang dimiliki oleh orang perseorangan dan dijalankan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Pemilik mempunyai hak mutlak untuk mengendalikan urusan pertubuhannya.

### (ii) Perkongsian

Merujuk kepada sekumpulan individu yang telah bersetuju untuk mengikat kontrak dan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk mendapat keuntungan. Perniagaan tersebut diuruskan oleh semua atau salah seorang

daripada mereka yang bertindak mewakili semua pihak. Perkongsian perniagaan ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang ahli dan tidak melebihi had maksimum dua puluh orang.

### **(iii) Syarikat sendirian berhad**

Merujuk kepada sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Saham dipegang secara tertutup oleh pemegang-pemegang saham yang mempunyai kawalan terhadap operasi syarikat. Ia didaftarkan dengan tanggungan berhad. Sesebuah syarikat sendirian berhad mempunyai Memorandum dan Artikel Persatuan sendiri, yang antara lain:

- (a) Menghadkan hak untuk memindahkan sahamnya;
- (b) Menghadkan bilangan pemegang sahamnya di antara dua hingga lima puluh orang (tidak termasuk pekerja syarikat itu dan bekas pekerja yang masih menjadi ahli);
- (c) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai untuk membeli apa-apa saham atau debentur syarikat itu; dan
- (d) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai supaya menyimpan wang di syarikat itu bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan ataupun untuk dibayar bila dituntut, sama ada dengan faedah atau tidak.

### **(iv) Syarikat awam berhad**

Syarikat awam berhad juga merupakan sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan, dengan tanggungan berhad, oleh sekurang-kurangnya dua orang untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan mencari keuntungan. Saham syarikat awam berhad ini dipegang secara terbuka dan bagi sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sahamnya boleh bertukar milik secara bebas. Syarikat tersebut dianggap sebagai entiti yang sah dan ditubuhkan mengikut Memorandum dan Artikel Persatuan.

### **(v) Koperasi**

Ia merujuk kepada sesebuah persatuan sukarela yang bilangan ahlinya tidak terhad dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993. Kumpulan wang yang ada adalah milik bersama untuk memenuhi keperluan ahlinya.

### **(vi) Perbadanan awam**

Ia merujuk kepada sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Khas Parlimen atau Dewan Perundangan Negeri.

### **vii) Pertubuhan persendirian tidak mencari keuntungan**

Ia merujuk kepada syarikat tanpa saham yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad. Kebanyakan syarikat ini terdiri daripada pertubuhan kebajikan, keagamaan, pendidikan, kesihatan, kebudayaan, rekreasi dan pertubuhan yang

memberikan perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan kepada isi rumah. Perkhidmatan diberikan secara percuma atau pada harga yang tidak melebihi kos perkhidmatan (subsidi). Sebarang keuntungan yang diperoleh dilabur semula ke dalam pertubuhan berkenaan.

### **(viii) Lain-lain**

Ia merujuk kepada semua pertubuhan lain yang tidak termasuk di mana-mana kategori yang tersebut di atas.

### **Pertubuhan milikan wanita**

Ia merujuk kepada pertubuhan yang memiliki sekurang-kurangnya 51 peratus pemilikan ekuiti yang dipegang oleh wanita ATAU pemegang saham terbesar adalah wanita dan pertubuhan diuruskan oleh wanita ATAU Pengarah Urusan atau Ketua Pengarah Eksekutif adalah wanita yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.

### **Struktur Hak milik**

Struktur hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/pemilik-pemilik modal berbayar terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kewarganegaraan mereka. Dalam kes di mana setiap pihak (Residen Malaysia dan Bukan Residen Malaysia) memegang bilangan saham yang sama banyak dalam perniagaan berkenaan, maka pertubuhan tersebut telah dikelaskan di bawah 'Hak Milik Bersama'.

Residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan dan perbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai Residen Malaysia.

Bukan Residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara lain selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik residen Malaysia di luar negara dianggap sebagai Bukan Residen Malaysia.

### **Perbelanjaan modal**

Merujuk kepada pembelian harta dan kos pengubahsuaian dan pembaikan besar kepada harta sepanjang tahun rujukan.

<b>Nilai output kasar</b>	<p>Nilai output kasar ditakrifkan dengan memasukkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>Pendapatan daripada perkhidmatan yang diberikan</li><li>+ Nilai jualan barangan yang dibeli untuk dijual semula</li><li>- nilai barang yang dibeli untuk dijual semula dalam keadaan sama seperti dibeli</li><li>+ Perkhidmatan pengurusan</li><li>+ Komisen dan pembrokeran yang diterima</li><li>+ Yuran yang diterima daripada keahlian</li><li>+ Pendapatan daripada sewa yang diterima kecuali tanah</li><li>+ Pendapatan operasi lain</li><li>+ Cukai perkhidmatan dan caj perkhidmatan</li><li>+ Stok akhir</li><li>- Stok awal</li></ul>
<b>Nilai input perantaraan</b>	<p>Nilai input perantaraan ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>Pembelian barangan, bahan dan perkhidmatan</li><li>+ Premium insurans</li><li>+ Royalti dan yuran paten</li><li>+ Caj bank</li><li>+ Pembelian elektrik dan air</li><li>+ Pembelian bahan pembakar, pelincir dan gas</li><li>+ Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan</li><li>+ Perbelanjaan pematuhan alam sekitar</li><li>+ Perbelanjaan operasi lain</li></ul>
<b>Nilai ditambah</b>	<p>Nilai ditambah adalah tambahan kepada nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah pertubuhan. Nilai ditambah diperoleh daripada perbezaan antara nilai output kasar dengan nilai input perantaraan.</p>
<b>Jumlah pekerja</b>	<p>Jumlah pekerja meliputi orang yang diambil bekerja pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir pada tahun rujukan. Bilangan orang yaang bekerja dikategorikan seperti berikut:</p>

**(i) Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif**

Kategori ini merujuk kepada semua pemilik perseorangan dan rakan niaga sambilan atau sepenuh masa, yang bekerja dengan aktif dalam pertubuhan. Justeru itu, ia tidak termasuk rakan niaga yang tidak aktif.

**(ii) Pekerja keluarga tidak bergaji**

Kategori ini meliputi semua ahli isi rumah pemilik pertubuhan yang melaksanakan kerja tertentu (sepenuh masa atau sambilan) dan bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu bekerja biasa yang diamalkan oleh pertubuhan berkenaan tanpa mendapat bayaran secara 'regular' sama ada dalam bentuk wang tunai atau mata benda bagi kerja yang dilakukan. Biasanya pekerja berkenaan mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada ahli isi rumah pemilik dan terus mendapatnya sama ada ia bekerja atau tidak di dalam pertubuhan itu.

**(iii) Pekerja sepenuh masa**

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan 20 hari sebulan.

**(iv) Pekerja sambilan**

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan 20 hari sebulan.

**Gaji & upah**

Gaji & upah yang dibayar merujuk kepada pembayaran tunai, termasuk yang dibayar bonus, komisen, bayaran lebih masa, elaun kos sara hidup dan elaun-elaun lain yang dibayar kepada semua pekerja bergaji dalam tempoh tahun rujukan. Sementara caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut dimasukkan, manakala caruman oleh majikan **dikecualikan**. **Elaun** kepada pemilik yang bekerja, rakan niaga yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji juga **dikecualikan**.

**Nilai harta tetap**

Harta tetap meliputi semua barangan, baru atau terpakai, ketara atau tidak ketara yang mempunyai hayat produktif lebih daripada setahun. Ia termasuk tanah, bangunan dan struktur, alat pengangkutan, komputer dan peralatan periferal, perisian komputer, peralatan mesin dan lain-lain, serta perabot dan pemasangan lain. Nilai harta pembuka dan penutup bagi tahun rujukan 2010 adalah berasaskan nilai buku akaun. Pembelian, pindaan dan pembaikan besar atau perbelanjaan modal pada tahun berkenaan dikira pada nilai sebenar yang dibayar. Nilai aset yang dijual dalam tahun semasa juga dikira pada nilai sebenar.

**Pembundaran** Penjumlahan dan campuran komponen-komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar di dalam jadual-jadual dalam penerbitan ini disebabkan pembundaran angka.

**Huruf ringkas** Huruf ringkas berikut telah digunakan di dalam keseluruhan penerbitan:

- tiada
- } cantum
- RM Ringgit Malaysia
- t.t.t.l. tidak terkelas di tempat lain



- Introduction** *This report provides information on arts, entertainment and recreation services for reference year 2010. The data were collected and compiled from the Economic Census conducted in 2011.*
- Objective** *The main objective of this census is to collect information pertaining to growth, structure, profile and principal statistics of this subsector to assist the government in development planning and formulation of policies. The data are also used for the compilation of national accounts, input-output tables, index of services and specific studies. In addition, the results are used by economists, academicians, the private sector and individuals for economic analysis and projections.*
- Legal authority** *The census was conducted under the provisions of the **Statistics Act 1965 (Revised 1989)**. Section 5 of this Act requires all establishments operating in Malaysia to provide actual information or best estimates to the Department. The Act stipulates that the contents of individual returns are **confidential** and only aggregated figures are published.*
- Scope and coverage** *The census covered all registered establishments engaged in **Arts, entertainment and recreation** which included:*
- i) Creative, arts and entertainment activities*
  - ii) Museums, recreation and other cultural activities*
  - iii) Sports and amusement & recreation activities*
- Concepts and definitions** *The definition of arts, entertainment and recreation services adopted in this publication is based on the recommendations of the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0.*
- i. Creative, arts and entertainment**
- This activity includes the operation of facilities and provision of services to meet the cultural and entertainment interests of their customers. This includes the production and promotion of, and participation in, live performance, events or exhibits intended for public viewing; the provision of artistic, creative or technical skill such as activities of sculptors, painters, cartoonists, etc., activities of individual writers, including activities of independent journalists and restoring of works of arts.*

*This activity also includes activities of producers or entrepreneurs of arts live events, with or without facilities.*

**ii. Museums, recreation and other cultural activities**

*Includes the operation of museums of all kinds, botanical, zoological, also including activities of recreation parks and beaches.*

**iii. Sports and amusement & recreation activities**

*Includes the provision of sports activities; activities of sports teams or clubs primarily participating in live sports events; independent athletes engaged in participating in live sporting or racing events; sports trainers providing specialized services to support participants in sports events or competitions; operators of arenas and stadiums; other activities of organizing, promoting or managing sports events; also included are gambling and betting activities such as sale of lottery tickets, operation of casinos and operation of gambling machines; cyber cafes / internet centre and other sports activities.*

**Census year**

*Census year refers to the year in which a census was conducted.*

**Reference year**

*The reference period of the census was the calendar year 2010. Establishments whose accounting year differed from calendar year were asked to report according to the accounting year covering the major part of the reference year.*

**Methodology**

*The census was primarily conducted by mail inquiry. Respondents were given one month to complete and return the questionnaire to the Department after which, field enumeration was undertaken for the establishments that did not respond.*

**Reporting unit**

*The census was conducted on an **establishment** basis. An establishment is defined as "an economic unit that engaged in one activity, under a single legal entity and operating in a single physical location". Each establishment was assigned an industry classification based on its principal activity and not to that of its parent company.*

*In the case of a multi-activity entity, units engaged in separate activities in the same location constituted distinct establishments. Thus, each branch of a multi-branch organisation at a different location was conceptually treated as a different establishment. The establishment was requested to give separate returns for each activity in terms of value. However, if in practice, the accounts were centrally kept such that it was not possible to obtain separate data for each individual unit or branch, that entity or enterprise was treated as a single reporting unit and allowed to submit a consolidated questionnaire covering all units or branches.*

**Type of business activity**

*Type of business activity refers to both principal and secondary activities. The principal activity refers to the activity to which the establishment devoted most of its resources or activity which contributes the largest income. Secondary activities are those incidental or ancillary to the principal activity. The classification of the industry of the establishment is based on the principal activity and is in accordance to the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008. The MSIC 2008 conforms to the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, United Nations, with modifications to suit local conditions.*

**Legal organisation**

*The legal organisation of an establishment is defined as follows:*

**(i) Individual proprietorship**

*This refers to a business, owned and operated by one person for profit. The owner has the exclusive right to control the operations of the establishment.*

**(ii) Partnership**

*This refers to a group of individuals who agree to contract and to carry on a business with the objective of making a profit. The business is managed by all or any one acting for all parties. A trading partnership must comprise at least two members and should not exceed a maximum of twenty members.*

**(iii) Private limited company**

*Refers to a private corporation established to undertake a business with the objective of making a profit. The shares are closely held by shareholders of the corporation who have control over its operation. It is registered with limited liability. A private limited company has a Memorandum and Articles of Association, which among others:*

- (a) restricts the right to transfer its shares;*
- (b) limits the number of its shareholders between two to fifty (not including employees of the company and past employees who are currently members);*

(c) prohibits any invitation to the public to subscribe for any share or debenture of the company; and

(d) prohibits any invitation to the public to deposit money with the company for fixed periods or payable at call with or without interest.

**(iv) Public limited company**

